

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, May 29, 2019 4:27 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Majlis Profesor UUM Rai Profesor Yang Bersara



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

29 MEI 2019 / 24 RAMADAN 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

MAJLIS PROFESOR UUM RAI PROFESOR YANG BERSARA



UUM ONLINE: Majlis Profesor UUM meraikan Ahli-Ahli Majlis Profesor UUM yang bersara pada tahun 2018 sebagai tanda menghargai jasa dan bakti kepada Universiti, di EDC Hotels & Resorts, semalam.

Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani menyampaikan cenderamata kepada Prof. Dr. Zulkhairi Md Dahalin (741), Prof. Dr. Mohd Noor Mohd Shariff (906), Prof. Dr. Mohd Sobri Minai (371) dan Prof. Dr. Arsaythamby A/L Veloo (2702).

Terdahulu, Naib Canselor merasmikan Mesyuarat Majlis Profesor UUM yang dipengerusikan oleh melibatkan lebih 38 profesor.

Beliau turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada profesor yang dilantik menganggotai Majlis Penasihat Naib Canselor.

Antaranya, Prof. Dr. Abd Razak Yaakub, Prof. Dr. Ku Ruhana Ku Mahamud, Prof. Dr. Abdul Razak Chik dan Prof. Dr. Zurni Omar.

“Banyak pengalaman yang dikongsikan oleh mereka ketika hari pertama saya masuk demi bersama-sama memajukan universiti dalam usaha melaksanakan pembaharuan ke arah menginsankan pendidikan,” ucapnya.

Majlis Penasihat Naib Canselor ini bertindak membantu Naib Canselor dalam membangunkan universiti secara keseluruhannya yang bukan sahaja tertumpu kepada akademik, malah melibatkan pendidikan kemasyarakatan.

Dalam pada itu, Majlis Profesor UUM turut menaja majlis berbuka puasa yang melibatkan kira-kira 30 pelajar di Dewan Sri Angsana 1.

Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Pengurusan Perniagaan, Aila Fariyah Tamam, 21, bersyukur diberi peluang untuk menikmati juadah berbuka yang lazat di hotel bersama UUM dan rakan-rakan yang lain.

“Terima kasih kepada UUM yang sentiasa prihatin terhadap para pelajar di samping mengeratkan silaturahim yang sedia terjalin.

“Majlis ini secara tidak langsung dapat membantu merangsang pelajar untuk mencapai kecemerlangan dan memberi kegembiraan kepada kami pada bulan Ramadan,” luahnya yang berasal dari Kuala Rompin, Pahang.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.